
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RDB 314 – PENGURUSAN REKABENTUK


Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **ENAM** soalan sahaja. Jawab minima **EMPAT** soalan dari **Bahagian A** dan **DUA** soalan dari **Bahagian B**.

Bahagian A

1. **Rajah 1** di bawah menunjukkan paradigma Inovasi Tertutup untuk mengendalikan Pembangunan dan Kajian. Idea mengalir ke dalam satu-satu firma dari kiri dan keluar ke pasaran di sebelah kanan.
 - (a) Terangkan kesan konsep landskap jenis di bawah terhadap pemasaran produk dan kemajuan firma
 - (b) Lakarkan rajah yang menjelaskan Landskap Pengetahuan dalam Inovasi Terbuka
 - (c) Berikan **empat** kebaikan Landskap Pengetahuan dalam Inovasi Terbuka berbanding dengan Landskap Pengetahuan dalam Inovasi Tertutup



Rajah 1: Landskap Pengetahuan Dalam Inovasi Tertutup

(15 markah)

2. (a) Firma rekabentuk memerlukan daya kreativiti yang tinggi dan efisien. Walau bagaimanapun daya kreativiti bukan boleh dipelajari dengan senang. Jika boleh dipelajari, mengajar seseorang sehingga daya kreatifnya timbul bukanlah efektif dari segi kos. Menurut Foote (2001), membentuk peniagaan yang mengstimulasikan daya kreatif adalah mungkin.

Terangkan bagaimana daya kreatif boleh dibentuk oleh sesuatu firma menggunakan

- (i) Manusia (pekerja)
- (ii) Delegasi
- (iii) Berpasukan
- (iv) Jurulatih

(8 markah)

- (b) Promosi ialah menjadikan pelanggan sedar terhadap kebaikan melanggan atau bekerja dengan syarikat anda menerusi iklan, surat, brosur, television, dan media lain. Promosi ialah langkah kedua dalam pemasaran syarikat.

- (i) Terangkan kebaikan langkah pertama yakni mencari kedudukan 'positioning' terhadap langkah kedua yakni promosi.

(3 markah)

- (ii) Jelaskan empat (4) kelebihan promosi.

(4 markah)

3. (a) Produk boleh ditakrifkan sebagai hasil sesuatu rekabentuk. Ia diwujudkan hasil daripada beberapa faktor seperti memenuhi kehendak pengguna, mematuhi peraturan kerajaan dan juga selaras dengan gaya hidup yang sering berubah-ubah. Jelaskan apa yang dimaksud dengan istilah-istilah berikut:

- (i) Pembangunan rekabentuk produk
- (ii) Status produk
- (iii) Produk kreatif
- (iv) Pengurusan rekabentuk produk

(8 markah)

- (b) Berdasarkan **Jadual 1** di bawah, produk sedia ada dan produk baru sering dikaitkan dengan pasaran sedia ada dan pasaran baru. Hurai dan bincangkan jadual berikut:

	Produk Sedia Ada	Produk Baru
Pasaran Sedia Ada	1	3
Pasaran Baru	2	4

Jadual 1: Matrik Peluang

(7 markah)

4. (a) Bagi menghasilkan sesuatu produk, sesebuah firma perlu mempunyai strategi sama ada proaktif atau reaktif bagi tujuan membangun dan menguruskan produk mereka. Strategi proaktif lebih tertumpu kepada firma yang mempunyai kajian dan pembangunan yang baik di samping pemasaran yang teratur. Berikan lima (5) perkara kesesuaian bagi sesebuah firma yang bercadang mengamalkan strategi proaktif.

(8 markah)

- (b) Dalam proses pembangunan rekabentuk produk, 'sequential development' dan 'parallel development' merupakan 2 konsep yang sering melibatkan beberapa kumpulan perekabentuk dan para profesional. Berikan kelebihan dan kelemahan bagi kedua-dua konsep tersebut dalam membangunkan rekabentuk sesuatu produk baru.

(7 markah)

5. (a) Kaedah kumpulan kreatif menetapkan **tiga (3)** kumpulan sebagai pasukan yang dapat menjanakan idea dalam sesuatu pemasaran produk.

- (i) Senaraikan nama ketiga-tiga pasukan ini.
- (ii) Huraikan prinsip-prinsip cara bekerja ketiga-tiga pasukan ini.

(7 markah)

- (b) Perincikan **satu** (1) proses yang terdapat dalam penjanaan idea dan terangkan kepentingan langkah ini dalam menentukan kejayaan sesuatu proses dalam mendapatkan idea yang bernas untuk pemasaran sesuatu produk. Senaraikan kedudukan proses ini dalam senarai cerowong idea.
- (i) Sebutkan kelebihan dan kelemahan langkah ini.
- (ii) Huraikan proses ini sekiranya terdapat halangan atau dorongan dalam mengembangkan dan membangunkan untuk sesuatu pemilihan yang tepat.

(8 markah)

Bahagian B

6. Perekabentuk Dalaman semestinya mempunyai Model Kod Pelakuan Perekabentuk Dalaman Profesional. Kegunaan Kod ini ialah untuk menyatakan prinsip-prinsip asas antarabangsa yang berpiawai etika berkaitan dengan profesion rekabentuk dalaman yang diterima oleh ahli-ahli Perekabentuk Dalaman pada peringkat antarabangsa.
- (a) Berikan definisi Perekabentuk Dalaman yang diterima oleh Badan-Badan Perekabentuk Dalaman Antarabangsa
- (b) Jelaskan dengan mendalam apakah tanggungjawab firma rekabentuk anda terhadap **komuniti** dan terhadap **pelanggan** anda berdasarkan Model Kod Pelakuan Perekabentuk Dalaman Profesional.
- (c) **Jadual 2** di bawah menunjukkan jenis-jenis pembentukan perniagaan. Lengkapkan jadual ini.

Jenis Pembentukan	Kebaikan	Keburukan
Milik Mutlak	1. 2.	1. 2.
Serakan 'Partnership'	1. 2.	1. 2.
Korporasi	1. 2.	1. 2.
Gabungan 'Joint Ventures'	1. 2.	1. 2.

Jadual 2: Jenis-Jenis Pembentukan Perniagaan

(20 markah)

...6/-

7. Bincangkan senario di bawah dengan memberikan jenis spesifikasi yang sepatutnya digunakan. Pastikan dahulu individu profesional yang perlu terlibat.
- (a) Seorang pelanggan mempunyai sebuah 'penthouse' di apartment Duta Vista di Jalan Duta, Kuala Lumpur yang berharga RM 1.2 juta. Apartment ini telah siap dibina pada tahun 2002. Beliau memerlukan seorang profesional untuk merekabentuk ruang dalaman 'penthouse' ini dan mengubahsuai kemas yang sedia ada. 'Penthouse' ini perlu melalui pengubahsuaian dan memerlukan satu dokumen untuk menentukan proses ini berjalan lancar. Berikan segala informasi yang diperlukan untuk penggunaan spesifikasi ini dan individu profesional yang perlu terlibat dalam proses ini.
 - (b) Spesifikasi ini mempunyai banyak elemen-elemen primer. Senaraikan lima (5) elemen-elemen primer yang paling penting dalam kategori spesifikasi ini.

(20 markah)

8. Dalam kaedah berkomunikasi, seseorang individu sebagai seorang personel yang mementingkan kefahaman para penonton perlu mengetahui perkara-perkara yang membolehkan penyampaian sesuatu hujah itu penting dan menarik.
- (a) Sebutkan lima (5) tujuan mengapa berkomunikasi itu penting dalam sesuatu organisasi.
 - (b) Sebutkan persediaan asas dalam menentukan kejayaan sesuatu persembahan ucapan.

(20 markah)

9. (a) Komponen perancangan aksesibiliti kemudahan golongan orang kurang upaya meliputi aspek-aspek berikut:
- (i) Aksesibiliti
 - (ii) Reruang
 - (iii) Kemudahan sokongan

Terangkan dengan ringkas bagaimana **Jadual 3: Matrik Kegunaan Kemudahan Golongan Orang Kurang Upaya Mengikut Tempat** di bawah memberi impak terhadap **perancangan dan rekabentuk** sesuatu kawasan rekreasi.

Kawasan	Kategori	Kecacatan	Jenis-Jenis Kecacatan/Penggunaan								
			1	2	3	4	5	6	7	8	
E Kawasan Rekreasi	E.1 Aksesibiliti	1) Ramp	●	●	●	●	●	○	○	○	○
		2) Handrail	○	○	○	○	○	○	○	○	○
		3) Laluan pejalan kaki	●	●	●	●	●	●	●	●	●
		4) Laluan bertekstur	●	○	○	○	○	○	○	○	○
		5) Tangga/tangga automatik	○	○	○	○	○	○	○	○	○
		6) Lintasan pedestrian	○	○	○	○	○	○	○	○	○
		7) Anjung masuk bangunan	○	○	○	○	○	○	○	○	○
	E.2 Reruang	1) Tempat letak kereta	●	●	○	○	○	○	○	○	○
		2) Tandas	●	●	○	○	○	○	○	○	○
3) Bilik persalinan		●	●	○	○	○	○	○	○	○	
E.3 Kemudahan Sokongan	1) Papan tanda kenyataan tanda tunjuk arah dan keterangan bertulis	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	2) Papan tanda khas	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	3) Bangku/tempat duduk	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	4) Pondok telefon	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	5) Peti surat/tong sampah	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	6) Pagar	●	●	○	○	○	○	○	○	○	
	7) Tiang lampu isyarat melintas	●	●	○	○	○	○	○	○	○	

Jenis-Jenis Kecacatan/Penggunaan

- | | | | |
|-----------------------------|---------------------------------------|---|------------------|
| 1. Pengguna kerusi roda | 5. Perempuan mengandung | ● | Sepenuhnya |
| 2. Cacat anggota | 6. Orang buta | ● | Tidak sepenuhnya |
| 3. Kanak-kanak/Orang kerdil | 7. Pekak | ○ | Tidak memerlukan |
| 4. Orang tua | 8. Perempuan menyusu anak/kanak-kanak | | |

Jadual 3: Matrik Kegunaan Kemudahan Golongan Orang Kurang Upaya Mengikut Tempat

(10 markah)

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan amalan perancangan yang baik?

(4 markah)

- (ii) Definisi bagi golongan orang kurang upaya berbeza mengikut pendapat yang diutarakan kerana golongan ini kurang mendapat perhatian dari masyarakat. Tidak banyak pendapat yang tepat terhadap golongan orang kurang upaya. Rata-rata masyarakat masih menganggap golongan orang kurang upaya ini adalah terdiri daripada mereka yang cacat anggota fizikal dan mental sedangkan definisinya adalah lebih meluas jika dilihat dari pelbagai aspek

Apakah definisi orang kurang upaya yang sewajarnya pada pendapat anda?

(6 markah)